

5 Jun 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa

Ketua Pegawai Eksekutif,

PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA-KERJA PENTING PEMBAIKAN SALURAN PAIP DI LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU: GANGGUAN BEKALAN 10 JAM

- **8.00 PAGI – 6.00 PETANG Sabtu, 10/6/2017.**
- **Kawasan terjejas: Berek Polis Marin, Pangkalan Pasukan Polis Marin, kawasan Kedai Ikan Bakar dan Restoran Seafood, kawasan Bayan Mutiara, kawasan Persiaran Bayan Indah, Eastin Hotel, Queensbay Mall, kawasan Jalan Batu Uban 3, kawasan Desa Riang, E-Park Condominium dan N-Park Condominium.**

PULAU PINANG, Isnin (5/6/2017): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan memperbaiki *150mm air valve* pada saluran paip 900mm di **Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu** di bahagian pulau Sabtu ini.

Kerja-kerja pembaikan memerlukan penutupan sementara saluran paip utama ini, bermula **8.00 pagi – 6.00 petang pada 10/6/2017.**

Oleh itu, akan berlaku gangguan bekalan air berjadual selama 10 jam yang melibatkan kawasan pantai di sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Berikut adalah kawasan yang terjejas:

1	Berek Polis Marin	6	Eastin Hotel
2	Pangkalan Pasukan Polis Marin	7	Queensbay Mall
3	Kawasan Kedai Ikan Bakar dan Restoran Seafood	8	Kawasan Jalan Batu Uban 3
		9	Kawasan Desa Riang
4	Kawasan Bayan Mutiara	10	E-Park Condominium
5	Kawasan Persiaran Bayan Indah	11	N-Park Condominium

Sila rujuk peta pada *Appendix 'A'*:

Gangguan Bekalan Air Berjadual di Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu, Pulau Pinang, pada 10/6/2017 (Kawasan Terjejas).

Gangguan bekalan air berjadual ini akan memberi kesan kepada kira-kira 25,000 orang. Pengguna yang terjejas adalah dinasihatkan agar menyimpan air mencukupi untuk kegunaan sepanjang tempoh 10 jam gangguan bekalan air berjadual ini.

Sila ambil perhatian bahawa ini adalah kerja pembaikan segera. PBAPP akan memperbaiki kebocoran yang dikesan pada saluran paip utama. Jika dibiarkan terlalu lama, kebocoran ini akan menyebabkan jumlah kehilangan air yang besar dan potensi gangguan perkhidmatan bekalan air.

Oleh itu, objektif utama adalah untuk mengelak gangguan bekalan yang besar yang akan memberi kesan kepada kawasan selatan Pulau Pinang.

Selepas pertimbangan yang wajar dengan keadaan tapak, kami telah menjadualkan kerja-kerja pada hari Sabtu dan akan disiapkan pada siang hari, 8.00 pagi - 6.00 petang.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



**Kawasan
Jalan Batu Uban 3**

**Berek
Polis Marin**

**Kawasan
Desa Riang**

**Pengkalan
Pasukan
Polis Marin**

**E-Park
Condominium**

**Kawasan
Kedai Ikan Bakar dan
Restoran Seafood**

**N-Park
Condominium**

**Kawasan
Bayan Mutiara**

**100mm air valve
on 900mm pipe
crossing**

**Kawasan
Persiaran Bayan Indah**

Hotel Eastin

**Queensbay
Mall**

Appendix 'A':
**Scheduled Water Supply Interruption
at Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu
on 10/6/2017, 8.00am to 6.00pm.**



Affected Areas